

## Spektrum Imbuhan *Se-* dalam Bahasa Melayu Klasik dan Moden: Analisis Morfologi Diakronik

### *The Spectrum of Prefix *Se-* in Classical and Modern Malay Language: Diachronic Morphological Analysis*

Mohamad Hakimi Mohamad  
<sup>1</sup>Kartini Abd. Wahab

Program Pengajian Bahasa Melayu  
Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: <sup>1</sup>kartini@ukm.edu.my

#### ABSTRAK

Bahasa Melayu diklasifikasikan sebagai salah satu bahasa aglutinatif yang bersifat derivatif dan sememangnya kaya dengan keanekaragaman pengimbuhan dalam pembentukan katanya. Sehubungan dengan itu, makalah ini memfokuskan cerapan khusus terhadap perilaku morfologi (makna, fungsi dan taburan) imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu klasik (BMK) dan bahasa Melayu moden (BMM) berteraskan kerangka kajian morfologi generatif. Objektif kajian ini adalah untuk: (i)menganalisis data daripada manuskrip BMK dan BMM bagi mencerap perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu melalui pengintegrasian kedua-dua aliran nahu BMK dan BMM; serta (ii)mengenal pasti perilaku morfologi bagi imbuhan *se-* yang mengalami retensi dan inovasi dalam konteks perkembangan maknanya dalam BMM dengan lebih empiris dan peka konteks. Kajian berorientasikan pendekatan diakronik ini memanfaatkan reka bentuk kajian kualitatif melalui kaedah analisis kandungan, kajian kepustakaan dan data korpus DBP-UKM. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam BMK dan BMM mempunyai dua spektrum fungsi, iaitu sebagai penetap dan pengubah golongan; enam spektrum taburan berdasarkan RPK dan 17 spektrum makna yang memancarkan nuansanya yang tersendiri. Seterusnya, kajian ini juga memperlihatkan majoriti fungsi, makna dan taburan imbuhan *se-* dalam BMM ini mengalami gejala retensi, namun terdapat beberapa kes khas imbuhan *se-* yang dilabelkan sebagai inovasi berbentuk pengambilalihan dan penyempitan makna asalnya dalam BMK.

**Kata Kunci:** *Morfologi Generatif, Kajian Diakronik, Perilaku Morfologi, Retensi, Inovasi*

#### ABSTRACT

Malay language is classified as one of the agglutinative languages that are derivative and rich in the heterogeneity of affixes in the formation of words. Hence, this paper focuses on the morphological behavior (meaning, function and distribution) of prefix *se-* in classical Malay language (CML) and modern Malay language (MML) based on the framework of generative morphological theory. This study aims to analyze data from CML and MML manuscripts to observe the diversity of functions, meanings, and distribution of prefix *se-* in the Malay language through the integration of both CML and MML grammarian streams; and identifying the morphological behavior of the prefix *se-* which experiences retention and innovation in the context of the development of its meaning in MML with more empirical and context sensitivity. This diachronic-oriented study utilizes a qualitative research design through content analysis methods, library research and DBP-UKM corpus data. As a result, this study shows the morphological behavior of prefix *se-* within CML and MML has two function spectrums (as a setter and modifier of word class); six distribution spectrums based on WFR and 17 meaning spectrums that emit their own nuances. Next, this study shows that most of the function, meaning and distribution of prefix *se-* within MML experience retention, but there are some special features of prefix *se-* labeled as innovations in the form of substitution and narrowing of its original meaning in CML.

**Keywords:** *Generative Morphology, Diachronic Study, Morphological Behavior, Retention, Innovation*

## 1. Pengenalan

Bahasa Melayu diklasifikasikan sebagai salah satu bahasa aglutinatif yang bersifat derivatif dalam pembentukan katanya dan bersifat dinamik dari segi perkembangan maknanya yang responsif terhadap perubahan zaman. Pengimbuhan atau *affixation* dalam bahasa Inggerisnya telah didefinisikan sebagai proses menambah imbuhan kepada kata akar atau kata dasar (Kamus Linguistik. 1997). Penggunaan istilah pengimbuhan bersinonim dengan ‘penambahan’ (Asmah Hj Omar, 2009), ‘afiksasi’ atau dalam istilah klasiknya dikenali juga sebagai ‘penanggaman’ (Muhammad Syukri Rosli, 2021). Proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu boleh terjadi melalui proses pengimbuhan, pembentukan kata tunggal, pemajmukan dan penggandaan. Terdapat lima jenis gejala imbuhan yang wujud dalam bahasa Melayu, iaitu imbuhan awalan, imbuhan akhiran, imbuhan sisipan, imbuhan apitan dan imbuhan kompleks. Meskipun imbuhan *se-* ini jarang dibahaskan secara terperinci atau diketengahkan kajiannya secara khusus oleh sarjana terdahulu, pembentukan kata melalui pengimbuhan *se-* atau *sa-* ini mempunyai keunikan perilaku morfologinya yang tersendiri. Penyelidikan berkompakan disiplin ilmu morfologi bahasa Melayu seringkali dilihat terhenti hanya di satah mendatar dalam arena kajian sinkronik semata-mata. Sedangkan fenomena kebahasaan khususnya dalam dimensi kajian tatabahasa itu tidaklah muncul secara rawak mahupun tiba-tiba, sebaliknya terlebih dahulu sudah merentasi sejarah penggunaan bahasanya yang hanya dapat dicerap oleh para peneliti bahasa dengan melihatnya secara menegak dari lensa kajian diakronik.

Sebagaimana perihalnya manusia, bahasa juga terdedah kepada perubahan zaman serta peka terhadap konteks penggunaan semasa untuk terus berevolusi sesuai dengan keperluan penuturnya. Sifat kedinamikan bahasa itulah yang membenarkan berlakunya perubahan pada spektrum perilaku morfologinya. Dalam lipatan sejarah ketamadunan bangsanya yang panjang, bahasa Melayu telah melalui beberapa peristiwa penting yang menandai fasa perkembangan bahasa serta turut menerima pengaruh kebahasaan dan pandangan alam daripada bahasa dunia yang lain. Periodisasi dan pembahagian fasa perkembangan bahasa Melayu juga masih menjadi polemik dalam kalangan sarjana bahasa seperti Amat Juhari Moain (2006), Asmah Hj. Omar (2015) dan James T. Collins (2005). Namun, bagi mengambil jalan keluar daripada belunggu permasalahan kajian tersebut, kajian ini hanya memfokuskan dua fasa perkembangan bahasa Melayu sahaja, iaitu bahasa Melayu klasik (BMK) dan bahasa Melayu moden (BMM) kerana kekayaan khazanah sumber catatan bertulis yang masih boleh diakses serta pengkaji turut mengambil kira aspek pemilihan pendapat berkenaan fasa tersebut berdasarkan penerimaan majoriti sarjana terhadap peristilahan fasa perkembangan bahasa Melayu.

Bagi menjalankan kajian morfologi diakronik terhadap imbuhan *se-* dalam BMK dan BMM, makalah ini menganalisis perilaku morfologi imbuhan *se-* dan menyerlahkannya sebagai suatu spektrum beracukan reka bentuk kajian kualitatif melalui kaedah analisis kandungan terhadap manuskrip BMM dan BMM, di samping memperkaya kaedah keputusannya dengan kosa ilmu kajian lepas Penyelidikan yang mengaplikasikan kerangka kajian morfologi generatif melalui tempaan Rumus Pembentukan Kata (RPK) oleh Mark Aronoff (1976) dalam makalah ini turut memanfaatkan penggunaan sumber korpus DBP-UKM untuk membantu dalam memperlihatkan gejala retensi dan inovasi perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam BMM.. Mohd Tarmizi Hasrah (2020) menjelaskan bahawa pendekatan perbandingan diakronik ini dijalankan bagi mengenal pasti inovasi dan retensi antara bahasa semasa dengan bahasa yang lebih tua. Justeru, makalah ilmiah ini melihat penganalisan perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam BMK dan BMM sebagai suatu spektrum yang membiaskan kepelbagaian

rona fungsi, taburan dan makna imbuhan *se-* tersebut dari lensa kajian morfologi diakronik serta mengenal pasti status inovasi dan retensi bagi perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam BMM.

## 2. Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur dalam makalah ini akan memfokuskan sorotan terhadap dua aspek utama, iaitu kosa ilmu perihal pengimbuhan dalam pembentukan kata bahasa Melayu dan kajian diakronik dalam morfologi bahasa Melayu.

### 2.1 Kajian Pengimbuhan dalam Pembentukan Kata Bahasa Melayu

Melalui sorotan yang komprehensif terhadap kosa ilmu kajian lepas sekitar perbahasan mengenai kepelbagaian kajian terhadap imbuhan dalam bahasa Melayu, pengkaji mendapati bahawa kajian khusus terhadap imbuhan *se-/sa-* dalam bahasa Melayu ini masih belum diketengahkan oleh para pengkaji secara terperinci, apatah lagi menggunakan neraca kajian diakronik. Kajian yang sudah dilakukan sebelum ini hanya tertumpu kepada imbuhan-imbuhan bahasa Melayu yang lain seperti imbuhan awalan *beR-*, *teR-*, *peN-* dan *meN-* atau imbuhan apitan *meN-...-kan*, *meN-...i*, *beR-...-kan* dan *di-...-i* atau imbuhan akhiran *-i*, *-kan* dan *-an* yang dibahaskan daripada lensa analisis semantik, sintaksis, dialektologi atau morfologi. Melihat kepada kelompongan kajian tersebut, pengkaji berpendapat bahawa perlunya dijalankan suatu kajian khusus berkaitan perbandingan perilaku morfologi yang merangkumi fungsi, taburan dan makna imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu dengan mengambil kira pandangan daripada kedua-dua aliran nahu BMK dan BMM.

Dari kaca mata ilmuwan beraliran nahu BMK, misalnya Za'ba (1947) telah memerihalkan imbuhan awalan *se-* dengan istilah penambah (س) dalam tulisan Jawi yang boleh disebut sebagai *sa-* atau *se-* dan hadirnya penambah ini di pangkal kata. Beliau berpandangan bahawa *se-* ini bukanlah sebenar-benar huruf penambah kerana asalnya daripada perkataan *esa* yang ertinya satu dan maksud satu ini tetap ada pada *se-* dalam segala penggunaannya walaupun berlainan sedikit tujuannya. Penahu tradisional seperti Ahmad Ya'qub al-Johori (1958) melalui karya beliau Lidah Melayu pula telah memuatkan perbahasan mengenai imbuhan *se-* ini dalam Fasal Sīn (س) dan menyenaraikan enam fungsi *se-* ini yang dapat diringkaskan sebagai kata bilangan, penguat/ kebersangatan, persamaan, ketetapan masa, kesejenakan tibanya masa dan kewujudan dalam jujuk-jujuk kalimah. Kajian C. A. Mess (1969) pula menunjukkan bahawa awalan *se-* ini sifatnya berlainan sama sekali daripada imbuhan lain kerana asalnya sudah tentu kata Melayu asli iaitu *esa*, namun berdasarkan aspek perkembangan maknanya pula masih mengikuti jejak bahasa Sangskerta/Sanskrit. Menurut beliau, kebetulan dalam bahasa Sangskerta, *sa-* bererti satu dan itupun pangkal perkembangan erti-ertinya seperti satu-satunya yang sama, sama atau seperti, membentuk kata keterangan, kata sambungan atau mempunyai erti yang menyimpang meskipun berhubung juga dengan pengertian dasarnya. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga tokoh nahu BMK ini tidak mengupas lebih lanjut mengenai perilaku morfologi imbuhan *se-* daripada spektrum taburannya serta tidak meringkaskan proses pembentukan katanya dengan menggunakan rumus.

Beralih ke aliran nahu BMM pula, sarjana seperti Arbak Othman (1989) didapati telah menyempitkan perilaku morfologi imbuhan *se-* dan melihat maknanya sebagai imbuhan bagi kata keterangan sahaja serta menumpukan sebahagian kecil daripada spektrum taburan imbuhan awalan *se-* dalam bahasa Melayu. Asmah Hj Omar (2009) telah mengklasifikasikan taburan imbuhan awalan *se-* ini kepada empat, iaitu sebagai penambah kata bilangan, pengubah golongan, penetap golongan dan awalan adverba. Pengklasifikasian imbuhan *se-* sebagai salah satu daripada sembilan penambah untuk kata bilangan tersebut pada amnya mendukung makna "satu" dan membiaskan spektrum taburannya di kedudukan sebelum jenis kata berikut: kata

nombor penggolong, kata kuantiti tiap dan suku, unsur daripada kata nombor atau kuantiti tertentu, kata nombor yang sudah mendapat awalan *peR-*, kata nama ukuran, penjodoh bilangan dan kata nama tertentu seperti sejenak. Nik Safiah Karim et al. (2015) pula telah meletakkan imbuhan awalan *se-* ini sebagai awalan bagi kata adjektif, awalan bagi penggandaan separa kata berimbuhan, darjah bandingan, penanda darjah penghabisan, awalan bagi kata adverbial penggandaan separa berawalan, bilangan dan binaan frasa sendi nama. Pengkaji mendapati bahawa Nik Safiah Karim et al. (2015) hanya menyatakan fungsi dan taburan imbuhan awalan *se-* tanpa membahaskan aspek kepelbagaian maknanya secara mendalam.

## **2.2 Kajian Diakronik dalam Morfologi Bahasa Melayu**

Kajian Zaharani Ahmad, Shakira Khairudin dan Nor Hashimah Jalaluddin (2012) ini berjaya menghuraikan aspek perilaku morfologi awalan *beR-* dalam korpus bahasa Melayu klasik yang merangkumi aspek fungsi, taburan dan makna yang didukung oleh imbuhan tersebut dalam konteks penggabungannya dengan kata dasar. Perilaku morfologi ini dibandingkan dengan perilaku awalan *beR-* dalam korpus bahasa Melayu moden. Pendekatan diakronik yang diaplikasikan dalam kajian tersebut bertujuan untuk melihat gejala pengekalan dan inovasi yang berlaku dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu. Pengkaji mendapati bahawa penelitian aspek morfologi berorientasikan kajian diakronik harus dijalankan sebagaimana kajian Zaharani Ahmad et al. (2012) terhadap perilaku morfologi imbuhan *beR-* yang berjaya dikupas dengan baik dan boleh dijadikan sebagai batu asas bagi kajian perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam BMK dan BMM ini. Secara tidak langsung, pengkaji berpendapat bahawa adanya suatu keperluan untuk melanjutkan acuan kajian tersebut terhadap imbuhan-imbuhan lain dalam bahasa Melayu agar kajian berteraskan lensa diakronik ini turut subur dalam bidang morfologi khususnya pada skop perbahasan perilaku morfologi dengan membandingkan antara dua zaman dan lebih lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian yang mengaplikasikan pendekatan diakronik di Malaysia ini dilihat lebih popular dalam lapangan linguistik sejarawi dan perbandingan sahaja berbanding diterapkan pada kajian subbidang linguistik lain khususnya dalam rimpunan bidang linguistik teras atau bidang yang dikenali juga sebagai kelompok linguistik teoritikal.

## **2.3 Kajian Pembahagian Fasa Perkembangan Bahasa Melayu**

Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2006) menyatakan bahawa bahasa Melayu purba wujud pada zaman prasejarah iaitu sebelum adanya catatan bertulis sama ada dalam bentuk prasasti atau manuskrip. Bahasa Melayu kuno wujud setelah adanya catatan sejarah, iaitu dalam bentuk tulisan sama ada dipahat pada batu atau bahan-bahan yang lain. Sedangkan zaman bahasa Melayu klasik lahir selepasnya iaitu setelah adanya pengaruh luar yang banyak serta bahan-bahan tulisan sama ada dalam bentuk prasasti, manuskrip mahupun yang lain-lain. Bahasa Melayu pramoden pula wujud dalam zaman peralihan, iaitu antara bahasa Melayu klasik dengan bahasa Melayu moden. Pada zaman ini telah ada unsur-unsur kemodenan dalam bahasa Melayu tetapi pada masa yang sama masih ada pengaruh zaman Melayu klasik yang masih kuat dan menonjol sifatnya. Bahasa Melayu moden pula merupakan bahasa Melayu yang telah bertukar sifatnya kepada yang moden dengan unsur-unsur moden, terutama sekali hasil daripada pertembungannya dengan kebudayaan Barat dan tamadun manusia moden.

James T. Collins (2004) pula telah membahagikan fasa perkembangan bahasa Melayu berlandaskan teori perkembangan bahasa Inggeris moden, khususnya melalui perbandingan ciri-ciri bahasa Inggeris moden awal di Eropah pada abad ke-16 Masihi dengan ciri-ciri moden awal yang berlaku dalam bahasa Melayu. Beliau berpendapat bahawa periodisasi perkembangan bahasa Melayu itu dapat dibahagikan kepada empat dengan penggunaan istilahnya tersendiri, iaitu Bahasa Melayu Kuno (abad ke-7 hingga abad ke-14), Bahasa Melayu

Moden Awal (abad ke-16 hingga abad ke-17), Bahasa Melayu Moden Akhir (abad ke-18 hingga separuh abad ke-20) dan Bahasa Melayu Pascakolonial (abad ke-20).

Sebaliknya, Asmah Hj. Omar (1985) telah membahagikan fasa perkembangan bahasa Melayu tersebut kepada tiga peringkat. Peringkat pertama bermula dengan bahasa Melayu kuno, berubah menjadi bahasa Melayu klasik pada peringkat kedua, akhirnya bertukar menjadi bahasa Melayu moden pada peringkat ketiga yang berterusan digunakan sehingga kini. Justeru, kajian ini akan mengguna pakai acuan periodisasi perkembangan bahasa Melayu seperti yang telah diutarakan oleh Asmah Hj. Omar (1985) kerana meluasnya penerimaan terhadap pengistilahan pembahagian fasa yang dirangka oleh beliau ini dalam kalangan sarjana bahasa Melayu. Tambahan pula, aspek yang ingin ditekankan dalam permasalahan kajian hanyalah mengenai status imbuhan *se-* berdasarkan ciri-ciri bahasa Melayu pada era BMK dan BMM tersebut tanpa melibatkan fasa-fasa yang lain.

### 3. Metodologi Kajian

Bahagian metodologi kajian ini membahaskan dua aspek yang utama dalam mencapai objektif kajian, iaitu kupasan mengenai tatacara pengumpulan data dan analisis data.

#### 3.1 *Tatacara Pengumpulan Data*

Kajian yang berorientasikan reka bentuk kajian kualitatif ini telah memanfaatkan kaedah kepustakaan dengan meneliti kosa ilmu kajian lepas secara komprehensif, kaedah analisis kandungan terhadap sumber-sumber manuskrip BMK dan BMM serta menjalankan penelitian terhadap korpus DBP-UKM sebagai tatacara pengumpulan data. Data manuskrip bahasa Melayu klasik yang dijadikan sebagai sampel kajian ini merangkumi sumber fizikal berdasarkan buku-buku pilihan dalam siri Karya Agung terbitan Yayasan Karyawan dan sumber digital melalui manuskrip yang terkandung dalam portal *Malay Concordance Project* (MCP) di bawah seliaan *Australian National University* (ANU). Sebanyak tiga buah karya bahasa Melayu klasik telah dipilih daripada keseluruhan siri Karya Agung tersebut, iaitu Hikayat Raja Pasai yang mewakili genre prosa berbentuk hikayat, Syair Kan Tanbunan yang mewakili genre puisi berbentuk syair dan pengekstrakan pantun klasik pilihan daripada buku Pantun Melayu Bingkisan Permata yang mewakili genre puisi lisan berbentuk pantun. Manakala data manuskrip bahasa Melayu moden pula diekstrak daripada novel seperti Naratif Ogonshoto karya SN Anwar Ridhwan (2004), kumpuisi semisal Al-Amin: Riwayat Hidup Rasulullah SAW karya SN A. Samad Said (1999) serta prosa berbentuk esei, seperti Dunia Ialah Sebuah Aksara karya SN Muhammad Haji Salleh (2017).

Kajian ilmiah ini turut memanfaatkan penelitian data korpus DBP-UKM yang keseluruhannya berjumlah lima juta patah perkataan. Hishamudin Isam et al. (2014) merumuskan bahawa korpus ialah himpunan data daripada teks lisan atau tulisan (pelbagai genre) yang memperlihatkan ciri-ciri bahasa semula jadi (bahasa yang digunakan secara nyata), tersimpan secara sistematik dalam bentuk pengkomputeran linguistik dan boleh diproses untuk mendapatkan maklumat linguistik dan kebahasaan (berkaitan struktur, system, tatabahasa) mengenai sesuatu bahasa. Penelitian data korpus DBP-UKM dalam kajian ini penting bagi melihat kekerapan, keproduktifan dan penggunaan sebenar imbuhan *se-* dalam konteks semasa sebagaimana yang telah disarankan oleh kajian Zaharani Ahmad et al. (2012). Menyedari akan kepentingan tersebut, kajian ini menggunakan sumber korpus bagi melihat variasi taburan imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu moden serta menilai status inovasi atau retensi yang dialami oleh imbuhan ini. Hasmidar Hassan (2023) berpandangan bahawa penggunaan korpus dalam kajian morfologi merupakan satu pendekatan yang baik kerana data raya yang terjana dan terhimpun dalam pangkalan data dapat dimanfaatkan untuk kajian tentang penggunaan

imbuhan, variasi imbuhan, pembentukan kata, binaan ayat dan ragam ayat yang digunakan oleh pengguna bahasa Melayu. Selain itu, korpus juga dapat memperlihatkan variasi penyebaran dan kekerapan struktur ayat merentas pelbagai konteks.

### **3.2 Analisis Data**

Penganalisan data kajian ini dimulai dengan pengidentifikasian kata terbitan yang terhasil daripada proses pengimbuhan *se-* dengan kata dasar yang terkandung dalam petikan manuskrip BMK dan BMM. Data-data berkenaan kata terbitan imbuhan *se-* yang diidentifikasi itu kemudiannya disaring berdasarkan kategori Rumus Pembentukan Kata (RPK) menurut kerangka teori morfologi generatif dengan menyatakan contoh petikan kata dan ayat yang bersesuaian dengan pengelasan kata terbitan tersebut. Pengelasan kata bagi kata terbitan yang terhasil daripada pengimbuhan *se-* ini juga dikelompokkan dalam kumpulan kelas kata yang utama, iaitu Kata Kerja (KK), Kata Nama (KN), Kata Adjektif (KAdj) dan Kata Tugas (KT). Zaharani Ahmad et al. (2012) menyatakan bahawa antara maklumat penting yang perlu ada ketika memformalisasikan RPK ini termasuklah (a) imbuhan yang terlibat, (b) kata dasar [X] berserta kelas katanya, (c) kelas kata kata terbitan yang terhasil, dan (d) makna yang didukung oleh imbuhan terlibat. Formulasi ini telah dijadikan sebagai acuan dalam membina RPK bagi beberapa kelas kata terbitan yang terbentuk daripada pengimbuhan *se-* dalam bahasa Melayu.

Perilaku imbuhan *se-* dalam kata terbitan yang telah dikelompokkan daripada petikan ayat dalam manuskrip BMK dan BMM itu kemudiannya dianalisis daripada tiga spektrum yang berbeza. Pertamanya, kajian ini mesti menentukan status fungsi imbuhan *se-*, sama ada sebagai pen tetap golongan atau pengubah golongan atau kedua-duanya sekali. Keduanya, kajian ini akan mengenal pasti taburan imbuhan *se-*, iaitu meneliti jenis kata dasar yang boleh bergabung dengannya, sama ada berasal daripada kelas KN, KK, KAdj atau KT. Begitu juga penelitian dalam pembentukan set rumus yang bersangkutan dengan kategori kata lain yang terkandung di bawah keempat-empat kelas kata utama tersebut bagi beberapa kes khas sama ada kategori kata tersebut berperanan sebagai Kata Adverba (KAdv), Kata Sendi Nama (KSN), Kata Bantu (KB), Kata Bilangan (KBil), Kata Hubung (KH) atau Kata Pangkal Ayat (KPA). Ketiganya, menentukan makna yang didukung oleh imbuhan *beR-* dalam kata terbitan yang dihasilkan. Melalui RPK tersebut, perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam BMK dan BMM ini dapat dicerap sebagai suatu spektrum fungsi, taburan dan makna. RPK yang diformulasikan ini mengamalkan prinsip asas dalam kajian Morfologi Generatif, iaitu rumus yang dihasilkan mestilah bersifat sejagat dan ekonomik. Setelah menganalisis perilaku imbuhan *se-* dalam kedua-dua zaman tersebut, maka kajian ini menganalisis perbandingan yakni mengenal pasti status inovasi dan retensi bagi perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam BMM.

## **4. Dapatan dan Perbincangan**

Bahagian dapatan dan perbincangan kajian ini memuatkan perbincangan berkenaan analisis perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam BMK dan BMM serta perihal retensi dan inovasi perilaku morfologi imbuhan *se-*.

### **4.1 Analisis Perilaku Morfologi Imbuhan *Se-* dalam BMK dan BMM**

#### **4.1.1 Spektrum Fungsi Imbuhan *Se-* dalam BMK dan BMM**

Penelitian dari segi fungsi imbuhan *se-* dalam BMK dan BMM mendapati bahawa pengimbuhan *se-* dalam kedua-dua zaman ini berfungsi sebagai pen tetap golongan dan pengubah golongan. Pen tetap golongan merujuk kepada perihal berlakunya penghasilan kelas kata baharu bagi kata terbitan yang terbentuk daripada pengimbuhan *se-* dengan

kata dasarnya, manakala penetap golongan pula dapat difahami sebagai pengekal kelas kata sedia ada bagi kata terbitan yang terbentuk daripada pengimbuhan *se-* dengan kata dasarnya. Contohnya:

FUNGSI	BMK	BMM
Penetap Golongan	<i>sedari (se+dari), saudara (sa+udara)</i>	<i>sebagai (se+bagai), sehingga (se+hingga)</i>
Pengubah Golongan	<i>sefaham (se+faham), setahu (se+tahu)</i>	<i>seingat (se+ingat) semula (se+bodoh)</i>

Walau bagaimanapun, kesemua contoh pengimbuhan *se-* tersebut perlulah dilihat daripada spektrum taburannya melalui RPK bagi membezakan fungsinya sama ada sebagai penetap golongan atau pengubah golongan. Spektrum fungsi ini akan dibahasakan dengan lebih lanjut pada kupasan topik seterusnya, iaitu perihal spektrum taburan imbuhan *se-* dalam BMK dan BMM.

#### 4.1.2 Spektrum Taburan Imbuhan *Se-* dalam BMK dan BMM

Jika dianalisis daripada aspek taburan imbuhan pula, kajian ini mendapati bahawa imbuhan *se-* pada zaman BMK dan BMM boleh diimbuhkan dengan keempat-empat kategori kata dasar, iaitu KN, KK, KAdj dan KT.

IMBUHAN AWALAN SE-				
Bil.	RPK Imbuhan <i>Se-</i> dalam BMK		RPK Imbuhan <i>Se-</i> dalam BMM	
1	[ <i>se-</i> [X] <sub>KN/KK</sub> ] <sub>KN</sub>	<i>saudara, setahu, sefaham, sesiapa</i>	[ <i>se-</i> [X] <sub>KN/KK</sub> ] <sub>KN</sub>	<i>sebuah, seorang, seingat</i>
2	[ <i>se-</i> [X] <sub>KN/KK</sub> ] <sub>KT</sub> KT - {KPA/KH/KB/KBil/KAdv}	<i>sebermula, sesudah, sepuluh, sewaktu, se- Siam, seorang-orang</i>	[ <i>se-</i> [X] <sub>KN/KK</sub> ] <sub>KT</sub> KT - {KPA/KH/KB/KBil/KAdv}	<i>serentak, sebelum, semoga, seratus, seribu</i>
3	[ <i>se-</i> [X] <sub>KAdj</sub> ] <sub>KT</sub> KT - {KAdv}	<i>sekonyong-konyong, semena-mena,</i>	[ <i>se-</i> [X] <sub>KAdj</sub> ] <sub>KT</sub> KT - {KAdv}	<i>semalam, sekali-kali</i>
4	[ <i>se-</i> [X] <sub>KAdj</sub> ] <sub>KAdj</sub>	<i>secantik, sebaik, seburuk</i>	[ <i>se-</i> [X] <sub>KAdj</sub> ] <sub>KAdj</sub>	<i>sepandai, sebodoh,</i>
5	[ <i>se-</i> [X] <sub>KT</sub> ] <sub>KT</sub> KT - {KH/KSN}	<i>sedari, seumpama, sebagaimana</i>	[ <i>se-</i> [X] <sub>KT</sub> ] <sub>KT</sub> KT - {KH/KSN}	<i>sedari, sehingga, sebagai</i>
6	[ <i>se-</i> [X] <sub>KN/KAdj</sub> ] <sub>KKtt</sub>	<i>sedarjah, sedakar, setara</i>	[ <i>se-</i> [X] <sub>KN/KAdj</sub> ] <sub>KKtt</sub>	<i>sejumlah, setakat, sebesar</i>

RPK 1 bermaksud penanggaman imbuhan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KN atau KK akan menerbitkan KN sebagai kelas katanya. Berpandukan taburan *se-* dalam RPK 1 ini, awalan *se-* berfungsi sebagai pengubah golongan jika kelas kata X itu ialah KK seperti *setahu, sefaham* dan *seingat*. Awalan *se-* akan berfungsi sebagai penetap golongan sekiranya kelas kata X itu ialah KN seperti *saudara, sebuah* dan *sesiapa*. Berbeza pula dengan bentuk RPK 2 yang menunjukkan penanggaman imbuhan awalan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KN atau KK akan menerbitkan KT sebagai kelas katanya. Namun, bukan semua jenis KT mampu diterbitkan melalui RPK 2 tersebut, kajian ini mendapati hanya terdapat lima kategori KT yang mampu diterbitkan, iaitu KPA, KH, KB, KBil atau KAdv. Berdasarkan taburan *se-* dalam RPK 2 ini, awalan *se-* berfungsi sebagai pengubah golongan kerana kata dasar X yang pada awalnya berkelas KN atau KK itu berubah menjadi kata terbitan imbuhan *se-* berkelas KT. Contohnya, *sebermula* (KPA), *sewaktu* (KH), *sesudah* (KB), *seratus* (KBil) dan *se-Siam* (KAdv)

RPK 3 bererti penanggaman imbuhan awalan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KAdj akan menerbitkan KT (khususnya KAdv) sebagai kelas

katanya dalam kedua-dua zaman serta berfungsi sebagai pengubah golongan. Kata terbitan imbuhan *se-* yang berkelas KAdv tersebut pula boleh berlaku dalam bentuk KAdv jati seperti *semalam* atau KAdv penggandaan separa seperti *sepandai-pandai*. Sebaliknya, RPK 4 pula merujuk kepada penanggaman imbuhan awalan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KAdj akan menerbitkan kelas KAdj sebagaimana kata dasarnya dan berfungsi sebagai pen tetap golongan. Meskipun dilihat seakan-akan sama, tetapi terdapat perbezaan yang ketara antara pengimbuhan *se-* yang menerbitkan kelas KAdv seperti "*sepandai-pandai tupai melompat...*" berbanding pengimbuhan *se-* yang menerbitkan kelas KAdj seperti "*sepandai tupai melompat...*" Bagi membezakan kedua-duanya, kita perlu melakarkan garis perbandingannya terlebih dahulu, iaitu dengan cara memahami pentakrifan KAdj dan KAdv serta melihat perbezaan perilaku morfologinya. Nik Safiah Karim et al. (2015) mendefinisikan KAdv yang tergolong dalam KT ini sebagai perkataan yang menerangkan KK, KAdj, KN dan KSN dari segi cara, masa dan tempat, manakala KAdj pula didefinisikan sebagai perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan FAdj. Dari segi perilaku morfologi bagi kedua-dua contoh tadi, pengimbuhan *se-* dalam "*sepandai-pandai tupai melompat...*" berfungsi sebagai pengubah golongan, berbentuk taburan RPK 3 serta membawa makna perumpamaan kebersangatan pandai/hebat dalam perbuatan jahat seperti melompatnya tupai; sedangkan pengimbuhan *se-* yang menerbitkan kelas KAdj seperti "*sepandai tupai melompat...*" hanya membawa makna persamaan.

RPK 5 bermakna penanggaman imbuhan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kategori kelas KT akan kekal menerbitkan KT sebagai kelas katanya dan secara tidak langsungnya telah menunjukkan fungsi imbuhan *se-* sebagai pen tetap golongan. Namun, kelas KT sebagai kata dasar dan kata terbitan dalam RPK 5 ini hanya khusus bagi KH dan KSN yang tertentu sahaja. Misalnya, *se+dari* dalam kelas KSN akan kekal berkelas KSN seperti kata dasarnya, yakni *dari*. Begitu juga bagi kelas KH pancangan seperti *se+hingga* yang kekal kelas katanya seperti kata dasarnya, yakni *hingga*. Bentuk taburan RPK 6 ini dirangka daripada pendapat Halimah Wok Awang dalam Abdullah Hassan (2005) yang menyatakan bahawa awalan *se-* dapat ditambahkan pada dasar KK (hanyalah pada KK Tak Transitif) dan KN. Kehadiran imbuhan *se-* dengan KAdj amat luas sekali dan begitu juga dengan KN termasuklah yang telah menerima imbuhan *-an*, *peR-...-an* dan *ke-...-an*. Kehadiran imbuhan *se-* dapat menerbitkan bentuk KKtt dengan membawa maksud 'sama'. RPK 6 bermaksud penanggaman imbuhan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KA atau KN akan menerbitkan KKtt sebagai kelas katanya. Dalam rumus tersebut, imbuhan *se-* berfungsi sebagai pengubah golongan. Misalnya, kata *sedarjah*, *sekadar*, *setara*, *sebesar* dan *sejumlah*.

#### 4.1.2 Spektrum Makna Imbuhan *Se-* dalam BMK dan BMM

Setelah menganalisis spektrum fungsi dan taburan imbuhan *se-* dalam BMK dan BMM, maka kajian ini meneliti pula spektrum makna yang diterbitkan daripada imbuhan *se-* tersebut. Berikut merupakan rangkuman spektrum makna yang terkandung dalam setiap perangkaan RPK:

**RPK1:** [*se-* [X]<sub>KN/KK</sub>]<sub>KN</sub>

a) "mengesak/menunggalkan X"

Contohnya: *seekor*, *seorang*



- b) **“sepanjang X”**  
Contohnya: *setahu, sefaham, seingat*
- c) **“perkongsian X”**  
Contohnya: *sedesa, serumah, senegeri*
- d) **“meningkatkan X”**  
Contohnya: *sesiku, sesumpah*
- e) **“menidaktentukan/generalisasi X”**  
Contohnya: *sesiapa, sesuka, semahu*

**RPK 2: [se- [X]<sub>KN/KK</sub>]<sub>KT</sub>**

**KT – {KPA/KH/KB/KBil/KAdv}**

- a) **“menguatkan X”**  
Contohnya: *sesungguhnya, sebermula, semestinya*
- b) **“mensejenakkan X”**  
Contohnya: *sesudah, seusai*
- c) **“menerangkan X”**  
Contohnya: *se-Siamnya, sehari-sehari, sebelum*
- d) **“mengira X”**  
Contohnya: *sembilan, sepuluh, seribu*

**RPK 3: [se- [X]<sub>KAdj</sub>]<sub>KT</sub>**

**KT – {KAdv}**

- a) **“menerangkan X”**  
Contohnya: *semena-mena, sekonyong-konyong,*
- b) **“menunjukkan kebersangatan X”**  
Contohnya: *sepandai-pandai, selemah-lemah, sebaik-baik*

**RPK 4: [se- [X]<sub>KAdj</sub>]<sub>KAdj</sub>**

- a) **“menyifatkan X”**  
Contohnya: *seburuk, secantik, sepandai*

**RPK 5: [se- [X]<sub>KH/KSN</sub>]<sub>KT</sub>**

- a) **“sejak X”**  
Contohnya: *sedari*
- b) **“mengumpamakan X”**  
Contohnya: *seumpama, sebagaimana*

c) “menunjukkan penghabisan X”

Contohnya: *sehingga*

**RPK 6: [se- [X]<sub>KN/KAj</sub>]<sub>KKt</sub>**

a) “menyamakan X”

Contohnya: *sedarjah, sekelas,*

b) “merangkumkan X”

Contohnya: *se-Malaysia, seluruh, seantero*

c) “menjumlahkan X”

Contohnya: *sejumlah, sekadar, sebanyak*

Rumusannya, kajian ini menemui sebanyak 17 spektrum makna imbuhan *se-* yang dapat diterbitkan melalui enam RPK yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, masih terdapat perkongsian makna imbuhan *se-* bagi kata terbitan antara dua RPK seperti yang terjadi bagi makna “menerangkan X” dalam RPK 2 dan RPK 3.

#### 4.2 ***Retensi dan Inovasi dalam Perilaku Morfologi Imbuhan Se-***

Sesudah menganalisis perilaku morfologi imbuhan *se-* yang merangkumi spektrum fungsi, taburan dan makna, kajian ini akan mengenal pasti pula gejala retensi dan inovasi yang berlaku dalam perilaku morfologi imbuhan *se-* khususnya dalam BMM. Kajian Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2013) telah memerihalkan gejala inovasi sebagai sebarang perubahan yang melibatkan ciri bahasa purba yang muncul dalam sesebuah bahasa atau dialek semasa; manakala retensi pula adalah sebaliknya, iaitu apa-apa sahaja pengekalan ciri bahasa purba dalam sesebuah bahasa atau dialek semasa. Yang dikatakan perubahan dan pengekalan ciri bahasa purba tersebut adalah mencakupi kesemua elemen linguistik yang piawai dan asasi sekali seperti fonetik, fonologi, morfologi, sintaksis mahupun semantik.

##### 4.2.1 ***Retensi dalam Perilaku Morfologi Imbuhan Se-***

Berdasarkan penganalisan terhadap perilaku morfologi imbuhan *se-* yang telah dibahas di atas, kajian ini menemukan gejala retensi pada perilaku spektrum fungsi dan taburan imbuhan *se-* dalam BMM yang kekal sebagaimana dalam BMK. Pengekalan ini dapat dibuktikan berdasarkan persamaan taburan dan perkongsian RPK yang dapat diterapkan dalam kedua-dua zaman tersebut. Hanya sanya sistem ejaan dan penggunaan istilah yang melibatkan imbuhan *se-* sahaja yang didapati berubah dalam aliran nahu BMM berbanding nahu BMK, namun tidak didapati berlakunya perubahan yang ketara pada kerangka fungsi dan taburan imbuhan *se-* itu sendiri.

##### 4.2.2 ***Inovasi dalam Perilaku Morfologi Imbuhan Se-***

Dari segi inovasinya pula, kajian ini mendapati bahawa perilaku morfologi imbuhan *se-* hanya berinovasi pada spektrum maknanya sahaja sama ada berlakunya inovasi penyempitan makna sehingga pengguna BMM tidak dapat/sukar mengenal pasti kewujudan imbuhan *se-* berserta makna yang dikandungnya; atau berlakunya inovasi berbentuk pengambilalihan. Contoh penyempitan makna imbuhan *se-/sa-* tersebut dapat diteliti pada perkataan *sembilan, sebelas* dan *saudara* yang pada suatu ketika dahulu difahami maknanya sebagai (*sa+ambilan*), (*sa+balas*) dan (*sa+udara*). Inovasi

yang berbentuk pengambilalihan pula dapat dilihat pada KPA khususnya seperti *sebermula* (*se+bermula*) yang banyak ditemui dalam manuskrip BMK, namun dalam BMM kini sudah diambil alih penggunaan dan maknanya oleh KPA atau frasa lain yang berfungsi sebagai penanda wacana.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Konklusinya, penyelidikan beracukan pendekatan morfologi diakronik ini telah memperincikan aspek perilaku morfologi (fungsi, taburan dan makna) bagi imbuhan *se-* dalam BMK dan BMM melalui RPK di bawah kerangka kajian morfologi generatif. Perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam kedua-dua zaman ini telah memperlihatkan kewujudan dua spektrum fungsi, iaitu sebagai pen tetap dan pengubah golongan; enam spektrum taburan berdasarkan RPK dan 17 spektrum makna (tidak dikira pengulangan makna yang terkandung di bawah dua RPK berbeza) yang memancarkan nuansanya yang tersendiri. Dapatan kajian ini telah membuktikan kebenaran ciri kedinamikan bahasa yang boleh menerima perubahan dan dapat dikenal pasti melalui penelitian terhadap perilaku morfologinya. Benarlah kajian Zaharani Ahmad et al. (2012) yang memerihalkan bahasa sebagai suatu fenomena sosial yang terdedah kepada perubahan dan perkembangan sesuai dengan peredaran waktu dan zaman. Gejala ini berlaku secara semula jadi dan sifat ini dimiliki oleh semua bahasa alamiah di dunia, termasuklah bahasa Melayu. Perubahan yang berlaku dalam sesuatu bahasa boleh dikesan dalam sistem kebahasaan bahasa itu, seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan juga semantik. Berdasarkan pembinaan asas RPK bagi imbuhan *se-* yang dirangka dalam kajian ini, seharusnya dijalankan juga kajian lanjutan oleh pengkaji selepas ini terhadap bentuk- bentuk imbuhan bahasa Melayu yang lain dengan turut mengambil kira pendekatan kajian diakronik supaya aspek spektrum perilaku morfologi bagi sesebuah imbuhan tersebut dapat diperihalkan secara lebih jelas dan teliti. Diharapkan agar pendekatan kajian diakronik ini akan lebih subur dalam arena kajian morfologi bahasa Melayu dan terus berkembang sebagai suatu kerangka kajian yang lebih kompleks, deskriptif serta komprehensif.

## Rujukan

- Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain. (2006). Sejarah Bahasa Melayu: Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions.
- Ahmad Harith Syah Md. Yusuf. (2008). Fungsi Makna Imbuhan Awalan *peN-*: Satu Analisis Teori Relevans. Thesis Ijazah Sarjana Sains Sosial. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Harith Syah Md. Yusuf & Suzzana Othman. (2012). Imbuhan Akhiran Kata Nama –an dalam Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan Teori Relevan. *Proceedings of the 2<sup>nd</sup>. International Conference on Arts, Social Sciences & Technology Penang, Malaysia*. 3- 5 Mac.
- Anwar Ridwan. (2014). Naratif Ogonshoto. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. (1989). Nahu Bahasa Melayu. Shah Alam: Fajar Bakti.

- A Samad Said. (1999). *Al-Amin: Riwayat Hidup Rasulullah SAW dalam Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2020). *Kamus Dewan Perdana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1997). *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Nazir & Wan Norlidza Wan Mohd Zain. (2020). Bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden: Suatu Analisis Morfologi. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu 2020 Taiwan*, 18 & 19 Februari.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal & Harishon Radzi. (2012). *Pemantapan Pembinaan Linguistik Berasaskan Korpus*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Musa. (1987). *Binaan dan Fungsi Perkataan dalam Bahasa Melayu: Satu Huraian dari Sudut Tatabahasa Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmidar Hassan. (2023). Kajian Linguistik Bahasa Melayu Bersumberkan Korpus. Kekuatan dan Kelemahannya. *PENDETA*, 14(1), 23–34.
- James T. Collins. (2005). *Bahasa Melayu Bahasa Dunia: Sejarah Singkat*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Karim Harun & Maslida Yusof. (2013). Aspek Kala Dalam Nahu Melayu Abad ke-17: Perspektif Orang Belanda. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(2): 135- 148.
- Muhammad Haji Salleh. (2017). *Dunia Ialah Sebuah Aksara: Esei-esei Sastra Antarabangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Syukri Rosli. (2021). *Pecontoh: Penanggaman Perbahasan Jawi*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Shahidi A. H. & Rahim Aman. (2013). Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(3): 211-222.
- Mohd Tarmizi Hasrah. (2020). Dialek Pasir Raja: Ciri Fonologi dan Pengelompokan. *Jurnal Bahasa*. 20: 173-202.
- Salbia Haji Hassan. (2010). *Morfologi: Analisis Produktiviti Imbuhan Awalan dalam Dialek Melayu Sarawak*.
- The Australian National University. (1991). *Malay Concordance Project*. <http://mcp.anu.edu.au/Q/mcp.html>
- Wan Robiah Meor Osman & Chong Shin. (2019). Fenomena Evolusi dan Revolusi Makna Perkataan Melayu: Tinjauan Awal. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(2): 195-210.
- Zainal Abidin Ahmad. (1947). *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad & Shakira Khairudin. (2010). Imbuhan Kompleks Kata Nama ke-...-an Bahasa Melayu: Analisis Data Korpus. *Jurnal Bahasa*, 10(2), 199-222.